

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI – BN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 21)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai peruntukan bagi pembinaan padang sintetik bagi kegunaan para belia di Parlimen Sibuti.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya memfokuskan penambahan kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat khususnya di luar bandar secara berperingkat di bawah RMKe-11.
2. Melalui RMKe-9 dan RMKe-10 sebanyak 7 Buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia telah dibina di bawah di Parlimen Sibuti.

Sekian, terima kasih.